

PM: Jadi bangsa berinisiatif bukan pengguna

UM 24 FEB 2002

KUALA LUMPUR 23 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, masanya sudah tiba untuk rakyat keluar daripada imej sebagai bangsa pengguna, sebaliknya menjadi bangsa yang berinisiatif dan berinovasi.

“Kita tidak harus membiarkan segala-galanya diusahakan oleh pihak lain dan kita hanya menjadi pengguna, sehingga kini kita hanya menjadi satu bangsa pengguna.”

“(Dengan kata lain) kita tidak menjadi satu bangsa yang mempunyai inisiatif atau pun inovasi,” kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian dalam satu wawancara yang dikendalikan oleh Astro di atas kapal pemecah ais buatan Rusia, Kapitan Dranitsyn di Antartika pada 12 Februari baru-baru ini.

Wawancara tersebut disiarkan oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) melalui TV1 di sini, malam ini.

Dr. Mahathir berkata, sehingga kini bangsa Malaysia hanya

mampu menghasilkan sesuatu kejayaan setelah bangsa lain berjaya terlebih dahulu.

“Kalau kita sendiri nak buat sesuatu (memulakan sesuatu), ramai yang akan berkata, ini tidak mungkin, ini tidak perlu, tetapi apabila orang lain sudah melakukannya, maka masa itu kita amat gembira (untuk menggunakannya),” ujarnya.

Mengenai keupayaan menguasai semua bidang di dunia masa kini, beliau menyatakan keyakinan bahawa bangsa Melayu mampu menguasainya jika mempunyai minat di dalam bidang-bidang tersebut.

“Apa yang ‘mat saleh’ boleh buat, semua kita boleh buat, bagi saya mereka (mat saleh) tidak ada kelebihan apa-apa (berbanding bangsa Melayu),” tegasnya.

Ujar Perdana Menteri, keupayaan serta kebolehan bukan masalah yang dihadapi oleh bangsa Melayu pada ketika ini untuk menjadi bangsa yang berinovatif dan berinisiatif.

“Masalahnya ialah kurang mi-

nat. Jika kita buat dengan penuh minat dan berulang kali, semua perkara boleh dilakukan,” tambahnya.

Beliau memberikan contoh seorang anak watan (Datuk Azhar Mansur) dengan penuh minat dan semangat berusaha untuk mengelilingi dunia secara solo menggunakan kapal layar.

“Oleh kerana minat, dia akhirnya berjaya,” jelasnya.

Dr. Mahathir mencatatkan sejarah sebagai pemimpin Islam yang pertama menjejakan kaki di Antartika dan pemimpin dunia paling lama berada di tempat yang paling sejuk di planet bumi.

Turut bersama beliau ke benua tersebut ialah kira-kira 70 anggota ekspedisi termasuk Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding.

Azhar juga menyertai ekspedisi berkenaan.